

PENGURUSAN ALAT DAN MEDIA
TEKNOLOGI PENDIDIKAN
DI PUSAT SUMBER SEKOLAH (PSS).
KAJIAN DI BEBERAPA BUAH
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TAKZIM.

SHAPIE BIN HJ. MD. SHARIFF

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

106619



106619

A B S T R A K

Dua tujuan utama kajian ialah pertama untuk melihat tahap pengurusan dan empat jenis kemahiran guru-guru pengurus alat dan bahan media teknologi pendidikan di Pusat Sumber Sekolah (PSS). Kedua untuk melihat tanggapan, kekerapan penggunaan dan halangan-halangan yang dirasai oleh guru-guru bukan pengurus alat dan bahan media teknologi tersebut dalam menggunakan bahan tersebut di PSS mereka. Seramai 62 orang guru pengurus alat dan bahan media teknologi pendidikan dan 101 orang guru bukan pengurus terlibat dalam kajian ini. Kajian ke atas faktor-faktor demografi guru dengan angkubah-angkubah yang dikaji juga dilakukan. Semua dapatan kajian telah dianalisis secara deskriptif dan ujian silang (crosstab) antara dua faktor yang ingin dihubungkan pada paras keertian 0.05. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan dan tahap empat jenis kemahiran pengurusan guru-guru PAMT adalah pada paras sederhana baik sahaja. Beberapa faktor dikenalpasti mempengaruhi tahap kemahiran guru-guru ini. Tanya ialah pengetahuan sedia ada, pengalaman bertugas sebagai guru dan guru pengurus dan juga faktor-faktor demografi. Dari segi pengamatan, kekerapan penggunaan dan halangan-halangan yang ada, semua guru mempunyai pengamatan yang positif terhadap caralaku pengurusan guru-guru pengurus, namun dari segi kekerapan penggunaan alat dan bahan yang disediakan ianya adalah pada peringkat yang masih belum memuaskan. Sementara halangan utama yang dikenalpasti dalam mereka menggunakan alat dan bahan media ialah faktor-faktor fizikal yang terdapat di PSS, kemahiran dan pengetahuan yang terhad, kesesuaian masa penggunaan dan juga sikap negatif terhadap peranan yang boleh dimainkan oleh bahan dan alat teknologi yang ada. Adalah dicadangkan untuk memastikan keberkesanan pengurusan maka guru-guru pengurus perlulah dilengkapkan dengan kemahiran-kemahiran asas pengurusan di samping memulihkan sikap mereka daripada sikap mengurus untuk kepuasan peribadi kepada sikap pengurusan yang lebih bercorak universal untuk kepentingan semua.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia kini telah dilanda dengan berbagai alat teknologi. Ia bukan sahaja berperanan untuk membantu mempercepatkan sesuatu proses harian manusia tetapi juga telah menggantikan banyak kerja-kerja manual yang sering dilakukan oleh manusia di masa lalu. Kesemua ini berlaku dengan adanya teknologi. Teknologilah yang telah menjadi sumber asas kepada perkembangan dan pengurusan ekonomi. Organisasi awam atau swasta tidak dapat lari dari perubahan ini. Pihak pengurusan organisasi perlulah bersedia dan melengkapkan diri mereka dalam menghadapi sebarang kemungkinan akibat perubahan atau penggunaan pelbagai alat teknologi yang berbagai. Mereka bukan sahaja perlu memastikan hasil atau produk mereka berkualiti tetapi juga perlu memikirkan adakah ianya dapat bersaing di dalam pasaran masa kini. Prestasi perkhidmatan atau barang yang dihasilkan perlulah diukur berdasarkan persepsi pelanggan bukan persepsi organisasi (Mat Lazim Salleh, 1995).

Perubahan yang mendadak dalam teknologi dan penemuan teknologi baru seperti komputer, superkonduktor, robotik, komunikasi, laser serta saluran satelit telah memberi kesan besar kepada sebuah organisasi. Bahan seperti superkonduktor boleh memberi perubahan besar terhadap organisasi terutamanya

di dalam pengangkutan, penjagaan kesihatan (perubatan), industri komputer dan teknologi maklumat.

Perkembangan ini secara tidak langsung juga telah mempengaruhi bidang pendidikan di negara ini. Kemajuan teknologi elektronik menghasilkan berbagai alat yang canggih sebagai penyampai maklumat di dunia masa kini. Ini juga mempengaruhi dunia pendidikan di mana media teknologi masa kini telah berjaya menembusi tembok pendidikan tradisional. Ilmu pengetahuan tidak lagi terbatas dan terkandung di dalam buku semata-mata (Mazlan Omar, 1991). Menurut Abdul Rahman (1981) :

Tidak dapat dinafikan bahawa situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah sekarang amatlah berbeza dari keadaan-keadaan di masa lampau. Perubahan.... dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi telah menukar cara guru-guru mengajar dan cara para pelajar belajar.

Perubahan ini telah membawa kepada beberapa kesan dalam pendidikan di mana cara pengajaran dan pembelajaran tradisional yang berdasarkan kepada syarahan dan penerangan guru sahaja sudah tidak begitu sesuai digunakan untuk para pelajar di masa kini (Bahagian Teknologi Pendidikan, 1992). Sejajar dengan kemajuan dunia pendidikan yang serba moden, negara juga tidak mahu ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan berorientasikan teknologi moden ini, maka dengan itu perkhidmatan teknologi pendidikan diperkenalkan pada pertengahan 1972. Antara lain tugasnya ialah mewujudkan dan mengekalkan budaya penggunaan dan penghayatan teknologi pendidikan di kalangan guru-guru dan para pelajar ke arah mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah (Asmah Abu Samah, 1992).

Sejak penubuhan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) di Kementerian Pendidikan maka berbagai alat teknologi dan media pendidikan di bekalkan di sekolah-sekolah di samping usaha dan minat pengetua atau guru-guru besar di sesuatu sekolah itu untuk menambah dan mempertingkatkan kemudahan teknologi yang ada. Usaha-usaha untuk melengkapkan kemahiran dan pengetahuan guru-guru dalam menggunakan alat yang ada juga dilakukan. Begitu juga latihan dan kursus cara mana alat-alat media teknologi perlu di uruskan, dijaga dan dikekalkan keupayaannya juga diberikan kepada para pendidik di sebuah sekolah di samping khidmat nasihat dari pegawai-pegawai yang telah ditugaskan di setiap kawasan, daerah, negeri ataupun Kementerian.

Kini setelah hampir 25 tahun penubuhan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), adakah mereka telah berjaya melaksanakan falsafah utama mereka ? Iaitu penggunaan pelbagai jenis media pendidikan secara terancang dapat mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta memberi peluang kepada setiap pelajar menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan. Jawapan kepada soalan ini hanya dapat dijawab oleh pelaksana program dan misi Kementerian di samping sokongan padu dari pengurus-pengurus sekolah (pengetua dan guru besar) yang ada. Sesungguhnya kejayaan sesuatu program atau rancangan itu banyak bergantung kepada cara mana ianya diuruskan. Sama ada melalui proses-proses perancangan, perlaksanaan, pengorganisasian, pengawalan dan penilaian yang terancang atau melalui kemahiran yang terdapat pada individu-individu yang telah dipertanggungjawabkan dengan tugas itu tidak kira pada peringkat mana ianya terlibat.